

0531

B 8963 BAH
MAHATHIR-TRIBUNAL

ALOR SETAR, 23 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERHARAP TIDAK AKAN ADA LAGI PERCUBAAN UNTUK MENGHALANG TRIBUNAL DARIPADA MEMPERSEMBAHKAN KEPUTUSANNYA KEPADA YANG DI-PERTUAN AGONG.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN EKORAN KEPUTUSAN MAHKAMAH AGUNG SEMALAM YANG MENGETEPIKAN PERINTAH LARANGAN SEMENTARA YANG DIKELUARKAN OLEH MAHKAMAH ITU PADA 2 JULAI LALU YANG MENYEKAT TRIBUNAL BERKENAAN DARIPADA MEMPERSEMBAHKAN KEPUTUSANNYA KEPADA YANG DI-PERTUAN AGONG.

DALAM TEMUBUAL RINGKAS DENGAN PARA PEMBERITA SETIBANYA DI LAPANGAN TERBANG KEPALA BATAS DI SINI PETANG INI, DATUK SERI-DR MAHATHIR BERKATA:

+SAYA BERHARAP TIDAK ADA APA AKAN DILAKUKAN UNTUK MENGHALANG TRIBUNAL ITU LAGI+

MAHKAMAH AGUNG DALAM SIDANG KHASNYA SEMALAM, YANG MENCAPAI KEPUTUSAN SEBULAT SUARA, JUGA MENOLAK PERMOHONAN KETUA HAKIM NEGARA YANG DIGANTUNG JAWATAN, TUN MOHAMED SALLEH ABAS, YANG HENDAK MENDAPATKAN PENANGGUHAN TRIBUNAL ITU DARIPADA MEMPERSEMBAHKAN CADANGAN LAPORAN DAN NASIHATNYA. -- LAGI

1921MST 23 07 88

0532

B 8964 BAH
MAHATHIR - TRIBUNAL 2 ALOR SETAR

HAKIM MAHKAMAH AGUNG TAN SRI HASHIM YEOP ABDULLAH SANI, YANG MENGETUAI PERSIDANGAN ITU JUGA MENOLAK PERMOHONAN ITU TANPA MENDENGAR SEBARANG HUJAH DARIPADA PEGUAM UTAMA TUN MOHAMED SALLEH, RAJA AZIZ ADDRUSE.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ISTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMAD ALI SERTA TIGA ORANG ANAK PEREMPUAN MEREKA TIBA UNTUK MENYAMBUUT HARI RAYA AIDIL ADHA DI KEDIAMANNYA DI TITI GAJAH DI SINI.

BELIAU AKAN BERSEMBAHYANG RAYA BERSAMA-SAMA ORANG RAMAI DI MASJID ZAHIR DI SINI DAN MENGADAP SULTAN KEDAH DI ISTANA ANAK BUKIT ESOK.

PERDANA MENTERI JUGA MENGADAKAN RUMAH TERBUKA DI KEDIAMANNYA DI SINI DARI 10.30 PAGI HINGGA 5 PETANG ESOK. --BERNAMA

1923MST 23 07 88